

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, January 27, 2020 2:06 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: AUI, Maghribi Dan UUM Terus Kukuhkan Kerjasama



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 JANUARI 2020 / 2 JAMADILAKHIR 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Prof. Dr. Che Su Mustaffa
Gambar oleh: MPUUM

AUI, MAGHRIBI DAN UUM TERUS KUKUHKAN KERJASAMA



UUM ONLINE: Maghribi - Persamaan visi dan misi antara Al Akhawayn University (AUI) di Ifrane dengan Universiti Utara Malaysia (UUM) telah mengukuhkan lagi jaringan kerjasama antara kedua universiti dalam bidang pendidikan.

Naib Presiden (Hal Ehwal Akademik), AUI, Prof. Dr. Nizar Messari berkata, pihaknya berhasrat untuk terus menjalinkan kerjasama pintar dengan UUM pada masa hadapan, tambahan selepas melihat pencapaian dan kedudukan UUM yang boleh dijadikan sebagai penanda aras bagi pencapaian AUI.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Pejabat Presiden Universiti Al-Akhawayn, Dr. Cherif Bel Fekih berkata, AUI merupakan universiti pertama di Maghribi menggunakan model pembelajaran Amerika Syarikat dan menawarkan program sarjana muda dan sarjana dalam bidang sains komputer, kejuruteraan, perniagaan, sastera dan kemanusiaan.

Lawatan Majlis Profesor UUM (MPUUM) ke AUI yang diketuai Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Ayoib Che Ahmad adalah bagi membincangkan kerjasama antara UUM dan AUI dalam aspek pertukaran kakitangan, akademik, pelajar, penganjuran seminar dan penyelidikan.

Pada pertemuan tersebut, Pengerusi MPUUM, Prof. Dr. Suhaidi Hassan telah memberikan penerangan tentang aktiviti penyelidikan di UUM khususnya berkaitan penyelidikan di peringkat pasca siswazah.

Selain itu, AUI juga menyatakan minat untuk membangunkan akademi golf selepas melihat pencapaian Akademi Golf Nasional UUM, malah universiti terbabit turut berminat dengan penyelidikan rantai pengedaran halal di UUM serta penyertaan dalam Sidang Global ICANN68 Kuala Lumpur pada Langkawi International Technology and Industry Forum (LATIF2020) anjuran IPDM di Langkawi pada Jun nanti.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.